

UMS digesa mohon tanah di Keningau

DE 29.02.2012 2

Clarence George Dol

KENINGAU: Lemabaga Pengurusan Universiti Malaysia Sabah (UMS) digesa mengemukakan permohonan tanah kepada Jabatan tanah dan Ukur Keningau supaya pembinaan UMS Keningau di Apin-Apin boleh dimulakan segera.

Bekas Timbalan Speaker yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Pekan Apin-Apin, Datuk John Angian berkata, dalam mesyuarat jawatankuasa baru-baru ini, kesemua ahli sebulat suara bersetuju supaya sebidang tanah seluas 80-ekar diuntukkan bagi pembinaan universiti itu di situ.

Katanya, tanah itu, yang pada mulanya disediakan sebagai rizab ragut, dipilih oleh jawatankuasa berkenaan khusus untuk pembinaan kampus UMS Keningau.

“ Penduduk di sini menunggu pembinaan kampus UMS di sini dan dengan itu kami memutuskan supaya tambahan 50 ekar diberikan kepada 30 ekar yang dikenal pasti oleh kerajaan untuk kampus tersebut.

“ Keputusan membina UMS di sini itu bukanlah satu pengumuman baharu bagi kami kerana malah Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Hj Aman, Adun tempatan dan juga Naib Canselor, Datuk Dr Kamarulzaman Ampon telah mengumumkannya berulang kali sebelum ini.

“ Sebagai para pemimpin masyarakat di sini, ia telah menjadi objektif kami untuk melihat pengumuman itu menjadi kenyataan seberapa segera supaya anak-anak kami di sini berpeluang untuk belajar di situ,” katanya.

Menurut Angian, pemeriksaan dengan Jabatan Tanah dan Ukur Keningau baru-baru ini bagaimanapun menunjukkan belum ada sebarang permohonan dibuat UMS terhadap tapak itu.

“ Dengan itu, kami menggesa Lembaga Pengurusan UMS membuat permohonan bagi 80 ekar tanah yang kami sediakan untuk universiti tersebut supaya pembinaannya boleh dimulakan seberapa segera,” katanya.

Sementara itu, menurut beliau, selain 80 ekar untuk UMS itu, pihak jawatankuasa juga menyediakan 40 ekar lagi untuk Sekolah Kejururawatan yang dirancang dibina kerajaan di Apin-Apin.